

25 JUL 2001

AIDS-Peralatan

4,000 KEMATIAN AKIBAT AIDS SEJAK 1986

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Kira-kira 4,000 daripada 40,049 orang di Malaysia yang dijangkiti virus kekurangan daya tahan manusia (HIV), yang menyebabkan AIDS, telah meninggal dunia dari 1986 hingga April lepas, kata pengerusi Yayasan AIDS Malaysia (MAF) Datin Paduka Marina Mahathir, hari ini.

"Bilangan itu semakin meningkat pada kadar yang membimbangkan," katanya pada majlis penyampaian peralatan ujian HIV kepada MAF, di sini.

Bagaimanapun, katanya kos rawatan penyakit itu semakin menurun dan ini akan membantu pesakit-pesakit AIDS dalam negara mendapat rawatan yang lebih baik.

Marina berkata berbanding dengan banyak negara di rantau ini, pesakit-pesakit AIDS dan HIV di Malaysia lebih mudah mendapatkan rawatan.

"Malaysia telah meningkatkan kemudahan bagi mendapatkan rawatan dan kerjasama daripada sektor swasta adalah sesuatu yang boleh kita banggakan," katanya.

Pada majlis itu, Roche Diagnostics (M) Sdn Bhd, satu bahagian dalam Kumpulan Roche yang berpangkalan di Switzerland, yang diwakili pengurus besarnya Chang Wing Yong, menyumbang peralatan ujian HIV bernilai RM400,000 kepada MAF.

Set "Cobas Amplicor" itu lengkap dengan aksesori, kit ujian dan ubat-ubatan antiretroviral Roche.

Chang berkata peralatan itu mempunyai keupayaan untuk mengesan tahap rendah virus penyebar yang membolehkan pakar perubatan mengenal pasti dengan tepat dan mengawasi tahap virus HIV walaupun pada tumpuan yang rendah.

Marina berkata peralatan itu, dengan ketepatan dan sensitivitinya, akan membantu dalam mengenal pasti dengan tepat terapi bagi pesakit-pesakit mengurangkan jangkitan HIV.

Katanya peralatan itu akan ditempatkan di Hospital Johor Baharu kerana MAF tidak mengendalikan mana-mana hospital.

Dilancarkan pada 1993, MAF adalah cabang mengutip derma Majlis AIDS Malaysia.

-- BERNAMA

RV MAM NAK